

PROJEK PENGURUSAN SISA PEPEJAL PULAU PANGKOR MELALUI PENGLIBATAN KOMUNITI

KE ARAH:

PULAU MESRA ALAM

EKO-PELANCONGAN

PENINGKATAN KEHIDUPAN



AKTIVITI YANG AKAN DIJALANKAN

PENGENALAN

PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI:

- Pembersihan.
- Pemetaan pencemaran.
- Demonstrasi kitar semula, kraf tangan, pembuatan sabun & lilin daripada minyak masak terpakai dan kompos.

PROGRAM 2015

SEKOLAH

- Latihan "Training of Trainers" ISLAND Ranger: aktiviti susulan pengurusan air / sungai dan sisa pepejal.

KOMUNITI SETEMPAT

- Latihan "Training of Trainers" ISLAND Ranger: aktiviti susulan Sifar Sampah (Zero Waste) berdasarkan konsep 4R2C.

PROGRAM 2016

PROGRAM PENDEKATAN KOMUNITI PENIAGA (RESTORAN, KEDAI MAKAN, KANTIN SEKOLAH, HOTEL / RESORT):

- Promosikan "Green Image".

PROGRAM SUSULAN / PENGLIBATAN KOMUNITI SETEMPAT DAN SEKOLAH

- Penubuhan sudut jualan komuniti Pangkor.

PROGRAM 2017

KESINAMBUNGAN PROJEK BAGI KOMUNITI SEKOLAH, KOMUNITI SETEMPAT, PENIAGA DAN ORANG RAMAI

Masa depan program ISLAND Ranger Pulau Pangkor akan dikendalikan oleh komuniti setempat yang terlatih.



KEBAIKAN JANGKA PANJANG PERLAKSANAAN PROJEK KEPADA KOMUNITI

I. MEWUJUDKAN PENJAGAAN PULAU YANG MESRA ALAM.

Projek ini berupaya untuk mendidik komuniti di pulau menjadi penjaga alam sekitar. Melalui aktiviti-aktiviti susulan yang berterusan, ia akan mewujudkan satu platform untuk kemampuhan jangka panjang yang melibatkan generasi akan datang.

II. PEMBANGUNAN PELANCONGAN

Mempunyai peluang yang tinggi dalam meningkatkan bilangan pelancong melalui peningkatan dalam penjagaan alam sekitar.

III. PENINGKATAN KEHIDUPAN

Masyarakat setempat terutamanya nelayan dijangka dapat menjana pendapatan tambahan berdasarkan konsep 'Waste into Wealth'. Perubahan dalam kehidupan yang lebih mesra alam yang dapat meningkatkan mutu kehidupan dan pemikiran yang sihat.

PENGENALAN

Projek Pengurusan Sisa Pepejal di Pulau Pangkor dengan pendekatan komuniti merupakan projek tiga tahun (2015-2017) yang dilaksanakan oleh Global Environment Centre bersama JPS Perak dengan kerjasama Universiti Queensland dan VALE Malaysia Minerals Sdn Bhd.

MATLAMAT

Membantu komuniti setempat terutamanya komuniti nelayan untuk menjana keuntungan ekonomi, alam sekitar dan sosial melalui Pengurusan Bersepadu Sisa Pepejal di Pulau Pangkor.

OBJEKTIF

- untuk memperkasakan komuniti setempat dalam pengurusan sisa pepejal dan air bagi mengurangkan pencemaran perairan pantai
- untuk menggalakkan konsep "Sampah ke Sumber atau Waste into Wealth" sebagai sumber pendapatan alternatif dikalangan komuniti setempat.
- membangunkan satu kerjasama pintar antara agensi kerajaan, kerajaan tempatan, agensi swasta (hotel dan peniaga), NGO, komuniti dan sekolah dalam melindungi dan menjaga alam sekitar di kawasan perairan pantai.

PENDEKATAN SAINS SIVIK

Pendekatan Sains Sivik ditekankan dalam memberikan kesedaran, ilmu dan kemahiran kepada pelajar untuk mengenali masalah alam sekitar serta kaedah menangani melalui tindakan individu dan kerjasama kumpulan.

KESEDARAN	PENGETAHUAN	KEMAHIRAN	TINDAKAN
• risalah • poster • pameran	• buku • risalah • kempen	• latihan • "hands-on"	• pemantauan pesisiran pantai • pencegahan pencemaran

KUMPULAN SASARAN

Nelayan, Komuniti setempat / penduduk, Sekolah-sekolah dan Pengendali perniagaan (pengusaha chalet, restoran, industri makanan dan penghasil kraftangan).

MASALAH

SAMPAH-SARAP, PENGURUSAN AIR KUMBUHAN & ENDAPAN / KELADAK DOMESTIK, PENGELUAR MAKANAN LAUT DAN REKREASI

- Menjejaskan kesihatan jika air tercemar, diminum atau digunakan untuk mandi.
- Mengalakkan pertumbuhan bakteria, pembiakan kuman penyakit dan menyebabkan air sungai berbau.
- Menarik perhatian tikus, lipas, nyamuk dan lalat.
- Mengakibatkan keracunan dan tekanan terhadap habitat dan hidupan akuatik.

KEMUSNAHAN KAWASAN TADAHAN, HUTAN & PEMBANGUNAN TIDAK LESTARI

- Menyebabkan kawasan tanah terdedah dan hakisan tanah.

PENGURUSAN BOT

- Tumpahan minyak daripada bot ke tebing sungai / laut menghalang kemasukan udara ke dalam air laut dan menyebabkan tumbuh-tumbuhan serta haiwan-haiwan akuatik tidak dapat bernafas dan akan mati.

IMPAK: MEMBERI KESAN KE ATAS BATU KARANG, INDUSTRI PELANCONGAN DAN MAKANAN LAUT

PROGRAM ISLAND RANGER

Program yang menggabungkan RIVER Ranger dan SMART Ranger, khas untuk komuniti pulau dalam menekankan pengurusan sumber alam semulajadi, pengurusan bahan buangan dan juga pemantauan sungai dan pesisiran laut.

PROGRAM RIVER RANGER

Mendidik dan melatih orang ramai menjadi mata dan telinga ("eyes and ears") serta menggalakkan penglibatan mereka dalam pengurusan sungai dan air dengan menjalankan Penilaian Kesihatan Sungai ("River Health Assessment") dan Audit Sungai:


- Hidrologi.
- Parameter kimia.
- Parameter fizikal.
- Parameter biologi.

PROGRAM SMART RANGER

"START MANAGING ALL RESOURCES TODAY" (SMART) Ranger merupakan program pengurusan sumber yang memberi tumpuan bukan sahaja tentang sisa pepejal, malah meliputi aspek pendidikan dan kesedaran mengenai alam sekitar secara menyeluruh untuk pelbagai lapisan masyarakat.

SMART Ranger menggunakan Pendekatan 4R2C iaitu

- "Rethink" – Fikir semula.
- "Reduce" – Kurangkan.
- "Reuse" – Guna Semula.
- "Recycle" – Kitar Semula.
- "Compost" – Kompos.
- "Closing the Loop" – Melengkapkan kitaran sumber asli.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Global Environment Centre,
2nd Floor, Wisma Hing, No. 78, Jalan SS2/72,
47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
T: + 603 7957 2007 F: + 603 7957 7003
E: jagedeswari@gec.org.my, norazrin@gec.org.my
www.gec.org.my www.riverranger.my www.smartranger.net